

# Fadzil diminta sokong kerajaan

1111 - 4 NOV 2001

Oleh ZULKIFLI JALIL

PUTRAJAYA 3 Nov. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu semua pihak termasuk Ketua Pembangkang, Datuk Fadzil Noor memberi kepercayaan dan sokongan pada kerajaan dalam menangani isu keganasan dengan cara tersendiri.

Menurut Perdana Menteri, sepatutnya Presiden Pas itu tidak mempertikaikan pendirian Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam), Tan Sri Musa Hitam yang memberi sokongan kepada kerajaan untuk mengendalikannya.

Katanya, tidak salah Suhakam mengambil pendirian tersebut jika suruhanjaya itu mendapati apa yang dibuat oleh kerajaan itu suatu tindakan yang betul.

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir turut menyuarakan rasa hairan dengan kenyataan Fadzil yang kali ini berbeza berbanding apabila mengulas kenyataan Musa sebelum ini yang memihak kepada pembangkang.

“Tak salah kalau Suhakam mempunyai pendirian yang sama dengan kerajaan dalam menangani isu ini sebab bukan semua kita buat tak betul, benda yang betul sokonglah...tak betul tak sokonglah.”

“Tetapi saya fikir sebagai rakyat, semua orang termasuk Fadzil patut rasa bertanggungjawablah kerana dalam keadaan cemas macam ini, dia patut beri sokongan kepada kerajaan. Tak usahlah cakap tentang negara Islam yang dia sendiri tidak boleh jelaskan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Hari Keluarga Jabatan Perdana Menteri 2001 di Taman Wetland, di sini hari ini.

Perdana Menteri mengulas kenyataan Fadzil semalam yang mempersoalkan pendirian Musa supaya semua pihak memberi kepercayaan kepada kerajaan untuk menangani isu keganasan dengan cara tersendiri.

Pendirian itu, kata Fadzil, tidak selaras dengan semangat penubuhan Suhakam sepertimana terkandung dalam Akta Suruhanjaya Hak

Asasi 1999 untuk mempertahankan demokrasi dan hak asasi manusia.

Isnin lalu, Maa dilaporkan berkata, semua pihak perlu memberi kepercayaan kepada kerajaan menadbir negara dengan cara tersendiri walaupun tindakan diambil mungkin dilihat membelakangkan prinsip demokrasi dan hak asasi manusia.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, sepatutnya tidak timbul soal mempertikaikan pendirian Suhakam menyokong kerajaan menangani isu keganasan.

Sebaliknya, apa yang perlu dilakukan oleh rakyat termasuk Fadzil sendiri ialah memberi sokongan berterusan.

Ditanya mengenai desakan Fadzil kepada Musa supaya beliau meletak jawatan sebagai Pengerusi Suhakam jika tidak berupaya lagi menjalankan tugas dan tanggungjawabnya, Dr. Mahathir berkata:

“Saya fikir dia (Musa) pun rakyat Malaysia juga, lainlah kalau dia nak pisah daripada menjadi rakyat Malaysia”.